

PWTC hulur sumbangan kepada tiga rumah kebajikan

SUMBANGAN. Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mengagihkan sumbangan dan bantuan berupa makanan dan minuman serta duit raya kepada tiga buah rumah kebajikan, iaitu Rumah Penyayang Darul Ilmi dan Rumah Raudhatul Al-Faez, Gombak serta Pertubuhan Kebajikan Baitul Ma'mur, Sungai Buluh baru-baru ini.

Aktiviti tersebut merupakan program tanggungjawab sosial korporat syarikat bagi sepanjang bulan Ramadan pada tahun ini.

"Tujuan kempen tersebut dijalankan adalah untuk meringankan beban pengetua rumah serta pertubuhan yang menempatkan anak-anak yatim dan miskin serta keluarga asnaf sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti," kata kenyataan tersebut di sini baru-baru ini.

Antara barangan sumbangan yang berjaya dikumpul daripada warga kerja PWTC, badan korporat dan individu melalui satu kempen yang diadakan sebelum ini termasuklah beras, gula, susu, biskut dan minyak masak.



KAKITANGAN PWTC bergambar bersama sebahagian daripada penghuni Rumah Raudhatul Al-Faez, Gombak.